

05 OCT 2002

Mahathir-Hina

MAHATHIR: HANYA ORANG JAHIL HINA RASULULLAH PENGGANAS

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata orang yang boleh menghina Nabi Muhammad s.a.w sebagai pengganas adalah orang yang tidak memahami agama Islam.

"Dia (mereka) tidak faham apa-apa, dia tak faham agama Islam," katanya ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan parti Gerakan di ibu pejabat parti itu di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan yang menyebut seorang tokoh paderi Kristian di Amerika Syarikat, Jerry Falwell, dalam satu wawancara program "60 Minutes" stesen televisyen CBS, menyifatkan Nabi Muhammad s.a.w seorang pengganas. Stesen itu dijadual menyiarkan wawancara itu Ahad ini.

Perdana Menteri berkata paderi berkenaan tidak berhak mengeluarkan kenyataan sedemikian.

Ditanya sama ada kenyataan sedemikian daripada seorang paderi menunjukkan bahawa masyarakat Kristian jahil tentang Islam, Dr Mahathir berkata satu-satunya yang jahil ialah orang yang membuat kenyataan itu.

"Saya tidak mahu menuduh semua penganut Kristian, hanya seorang sahaja yang membuat kenyataan sedemikian," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak seharusnya terlalu mengambil berat akan perkara itu.

Di MELAKA, Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak membantah keras tindakan membenarkan kenyataan menghina Nabi Muhammad s.a.w. itu oleh CBS.

"Kita membantah keras dan berasa amat kesal ada percubaan untuk menghina Nabi Muhammad dan agama Islam dengan perbuatan-perbuatan seperti ini," katanya kepada pemberita selepas majlis Penerangan Pendaftaran Pemilih Melaka, di sini, hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata apa juga tindakan selepas peristiwa 11 Sept tahun lepas seharusnya tidak menjurus kepada perbalahan umat Islam dengan agama lain.

Beliau berkata reaksi sesetengah pihak di Barat terhadap agama Islam tidak rasional kerana menganggap Islam sebagai musuh orang bukan Islam.

"Oleh itu kita berharap perkara ini seperti ini tidak diteruskan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kita patut membantah keras di atas sebarang perbuatan yang menghina ataupun mempersendakan agama Islam.

"Kita sepatutnya membezakan antara sebahagian besar umat Islam di mana mereka rata-rata cinta kepada keamanan. Mereka tidak memilih jalan untuk keganasan sebaliknya hanya sekumpulan yang kecil sahaja," katanya.

Sementara itu, Konvensyen Dunia Melayu dan Dunia Islam (DMDI) yang berakhir di sini, hari ini membuat satu resolusi khas mengutuk stesen CBS dan Falwell.

Resolusi khas yang dibentangkan pada akhir acara konvensyen itu diterima sebulat suara oleh kira-kira 300 peserta yang mewakili pelbagai negara seperti Afrika Selatan, Indonesia, China, Korea, Singapura, Sri Lanka dan Madagaskar.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam meminta supaya CBS dan Falwell tidak bermain api dengan penghinaan itu kerana boleh mewujudkan kemarahan umat Islam di seluruh dunia.

"Akibat isu agama yang timbul itu, tidak mustahil setengah pihak akan bertindak di luar dugaan dan saya fikir AS mesti bertanggungjawab di atas kenyataan itu," katanya kepada pemberita selepas menutup konvensyen DMDI, di sini.

-- BERNAMA
NHM ZS RON NO NAK